



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENARAFAN BINTANG DALAM MEMANTAPKAN PENGUASAAN
BAHASA MELAYU MURID SJK (T)**

SIVANESWARY SIVARATANAM

FBMK 2018 7



**PENARAFAN BINTANG DALAM MEMANTAPKAN PENGUASAAN
BAHASA MELAYU MURID SJK (T)**

Oleh

SIVANESWARY A/P SIVARATANAM

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Khas buat ibu bapa yang tercinta,
Sivaratanam Vellaisamy dan Mokana Sunthary Palaniandy,
Ahli keluarga serta insan yang dikasihi,
Terima kasih atas pautan doa dan sokongan daripada kajian.

Buat penyelia tesis

Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy A/P Subramaniam,
Terima kasih atas segala tunjuk ajar, bimbingan, perkongsian maklumat
serta peluang yang diberikan sepanjang menjadi anak didik bawah penyeliaan Dr.
Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan para guru dan murid yang
memberikan sokongan dan kerjasama dalam menyiapkan tesis. Sekalung
terima kasih juga kepada insan lain yang secara tidak langsung turut
membantu dalam berkongsi idea serta pendapat.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PENARAFAN BINTANG DALAM MEMANTAPKAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU MURID SJK (T)

Oleh

SIVANESWARY A/P SIVARATANAM

Januari 2018

Pengerusi : Profesor Madya Vijayaletchumy A/P Subramaniam, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini memfokuskan sistem penarafan bintang dalam memantapkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid SJK (T). Objektif kajian adalah untuk menganalisis penguasaan golongan kata BM tahap satu dan menghasilkan sistem penarafan bintang dalam memantapkan penguasaan golongan kata BM. Model QAIT oleh Slavin (1987) digunakan sebagai landasan kajian ini. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kepustakaan, pemerhatian, temu bual dan tinjauan lapangan. Alat yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian penilaian kemahiran tatabahasa dan soal selidik. Pengkaji telah memilih 15 golongan kata dalam membina soalan tatabahasa Tahap I untuk diuji dalam kalangan 50 orang responden Tahap II, iaitu darjah lima. Data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran sistem tatabahasa tahap satu kurang dimantap dalam kalangan murid tahap dua. Hampir 60% daripada keseluruhan responden gagal mendapat betul dalam ujian penilaian kemahiran tatabahasa yang telah diadakan. Berdasarkan senario tersebut, dapat diketahui bahawa murid terus dihantar ke darjah seterusnya tanpa dimantapkan kemahiran sistem tatabahasa. Penilaian terhadap penguasaan kemahiran sistem tatabahasa tidak ditekankan. Maka, sistem penarafan bintang dihasilkan dengan tujuan untuk memantapkan penguasaan murid dalam tatabahasa BM sebagai satu penilaian penguasaan tatabahasa. Sistem tersebut menekankan pembahagian sistem bahasa (golongan kata) tahap 1 yang perlu dikuasai oleh murid berdasarkan ujian bulanan. Markah ujian tersebut direkodkan dan dinilai dengan menggunakan rubrik. Skala dalam rubrik mewakili bintang yang diterima oleh murid supaya prestasi murid dapat dinilai secara berterusan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penggunaan sistem tersebut lebih efektif dalam memantapkan penguasaan tatabahasa dalam kalangan murid. Oleh itu, melalui sistem ini, guru dan pihak sekolah dapat menganalisis perkembangan penguasaan kemahiran tatabahasa murid daripada penilaian yang diadakan berdasarkan pengajaran yang diberikan.

Kata kunci: bahasa Melayu, kemahiran tatabahasa, sistem penarafan bintang, tahap I, analisis penguasaan

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**STAR RATING IN EMPOWERING THE MASTERING OF MALAY
LANGUAGE AMONG NATIONAL TYPE TAMIL PRIMARY SCHOOL
(SJKT) STUDENTS**

By

SIVANESWARY D/O SIVARATANAM

January 2018

Chairman : Associate Professor Vijayaletchumy D/O Subramaniam, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study focuses on the star rating system in empowering the mastering of Malay language among national type Tamil primary school (SJKT) students. The objective of this study is to analyze the ability to master Malay language word groupings of level one besides producing star rating to analyze it. QAIT Model by Slavin (1987) is used as a platform for this study. The research involves methodologies based on literature, observation, interviews and field study. The tools used for this study are grammar skill assessment test and questionnaire. The researcher has chosen 15 word groupings in itemizing questions for level one grammar which were then used to test 50 students from level two as respondents (year five students). The data was analyzed quantitatively and qualitatively. The outcome revealed that the mastery of level one grammar was not satisfactory among the level two students. Nearly 60% of the respondents failed to get through the grammar assessment test. The existing scenario is these students are automatically sent to the next level without any treatments to their drawbacks in grammar in their existing level. So, star rating system is introduced to strengthen the mastery of the Malay language grammar. In this system, students have to master level one word groupings which will be tested monthly. The marks are recorded and graded using rubric. The scale in the rubric represents stars obtained by students so that their performance can be assessed continuously when they move to another level. In this system, the presence of repeating aspects in grammar from one level to another enriches student's mastery. This system enables the teacher to identify and overcome the weaknesses of a student before going to a higher level.

Key words: Malay language, grammar skills, star rating system, level one, mastery analysis

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dikurniakan dan dipermudah segala usaha sepanjang menyiapkan tesis ini. Di sini, pengkaji mengambil kesempatan dengan penuh ikhlas dan rendah diri untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia, iaitu Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy A/P Subramaniam atas tunjuk ajar, bimbingan, dorongan, ilmu yang dicurahkan, segala pandangan dan pendapat yang dikongsikan secara bersama sepanjang tempoh kertas kerja ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada beliau atas kesudian untuk memberikan peluang menjadi pelajar di bawah penyeliaannya.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Guru Besar dan Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Serdang atas kesudian memberikan kebenaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada bapa dan ibu serta kedua-dua kakak pengkaji. Tidak lupa juga ribuan terima kasih diucapkan kepada rakan seperjuangan atas kerjasama, sumbangan dan pendapat serta pandangan yang dikongsikan bersama sepanjang menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua individu yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penghasilan kajian ini. Sesungguhnya segala bantuan dan kerjasama yang diberikan amat bernilai dan berguna. Hanya Tuhan jua yang dapat membalas segala budi yang telah kalian sumbangkan.

Sekian, terima kasih.

Berilmu Berbakti

ISI KANDUNGAN

Muka sura

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Bahasa Kedua	3
	Kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam	4
	Kalangan Murid India	
	Kurikulum Sekolah Rendah di Malaysia	6
	Pernyataan Masalah	11
	Persoalan Kajian	14
	Objektif Kajian	14
	Skop Kajian	14
	Kepentingan Kajian	15
	Definisi Operasional	16
	Penarafan Bintang	16
	Penguasaan Bahasa Melayu	16
2	SOROTAN KAJIAN	17
	Kajian Penguasaan Bahasa	17
	Kajian Cara Peningkatan Penguasaan Bahasa	22
	Perkaitan antara Sorotan Kajian dengan Kajian Penyelidik	25
	Kajian Penguasaan Bahasa	25
	Kajian Cara Peningkatan Penguasaan Bahasa	27
3	METODOLOGI	29
	Reka Bentuk Kajian	29
	Kerangka Teori	29
	Kerangka Konseptual	32
	Kaedah Kajian	33
	Kaedah Kepustakaan	33
	Kaedah Tinjauan	33
	Kaedah Pemerhatian	33
	Kaedah Temu Bual	34
	Kaedah Soal Selidik	34
	Tempat Kajian	34

Populasi dan Persampelan Kajian	34
Alat Kajian	34
Ujian Penilaian Kemahiran Tatabahasa	35
Borang Soal Selidik	35
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	35
Tatacara Kajian	36
Kajian Rintis	37
Kajian Sebenar	39
Penganalisisan Data	39
4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN	41
Demografi Responden	41
Penguasaan Golongan Kata Tahap Satu	43
Panduan Sistem Penarafan Bintang Dalam Penguasaan Bahasa Melayu	58
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	67
Implikasi Dapatan Kajian	69
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	72
Rumusan	72
Cadangan	74
Cadangan Kajian Selanjutnya	76
BIBLIOGRAFI	78
LAMPIRAN	84
BIODATA PELAJAR	91
SENARAI PENERBITAN	92

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka sura
1 Taburan Soalan	38
2 Bilangan Responden Mengikut Jantina	42
3 Keputusan Ujian Penilaian Kemahiran Tatabahasa	43
4 Sistem Aspek Tatabahasa Tahun 1	61
5 Sistem Aspek Tatabahasa Tahun 2	62
6 Sistem Aspek Tatabahasa Tahun 3	63

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Proses Pentaksiran Sekolah	9
2	Kerangka Standard Prestasi	10
3	Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Tatabahasa Tahap Satu	12
4	Model QAIT Slavin (1994)	30
5	Kerangka Konseptual	32
6	Peratus Responden Mengikut Jantina	42
7	Keputusan Ujian Penilaian Kemahiran Tatabahasa	43
8	Keputusan Kata Nama	45
9	Keputusan Kata Ganti Nama	46
10	Keputusan Kata Adjektif	47
11	Keputusan Kata Kerja	48
12	Keputusan Kata Hubung	49
13	Keputusan Kata Tanya	50
14	Keputusan Kata Sendi Nama	51
15	Keputusan Imbuhan	52
16	Keputusan Kata Ganda	53
17	Keputusan Kata Seru	54
18	Keputusan Kata Majmuk	54
19	Keputusan Kata Perintah	55
20	Keputusan Kata Arah	56
21	Keputusan Kata Bilangan	56
22	Keputusan Kata Bantu	57

SENARAI SINGKATAN

B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
BM	Bahasa Melayu
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu Dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
PBP	Pentaksiran Berasaskan Pusat
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	Pengajaran Dan Pembelajaran
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
QAiT	<i>Quality, Appropriatenes), Incentive, Time</i>
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SPB	Sistem Penarafan Bintang
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UKM	University Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Satu daripada tindakan penting kerajaan untuk meningkatkan taraf bahasa Melayu (BM) ialah pengiktirafan dan pengisytiharan yang dibuat melalui Perlembagaan Malaysia Perkara 152 (1), telah memperuntukkan bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia ialah BM. Seterusnya, Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan BM 1981 telah memperuntukkan BM menjadi bahasa rasmi, iaitu bahasa ini hendaklah digunakan dalam semua urusan rasmi negara. Namun begitu, menurut laporan tersebut pada 1982, mutu penggunaan BM belum lagi mencapai taraf yang baik dan sempurna walaupun sektor awam menggunakan BM seratus peratus dalam pengumuman dan pemberitahuan (Mageswary Angamutoo, 2007). Keadaan ini bergantung kepada banyak faktor, penerimaannya yang efisien, dan termasuk bahasa itu sendiri perlulah mempunyai keupayaan untuk menjadi sebuah bahasa moden, untuk mengungkapkan budaya moden ini (Suthanthiradevi J.N.J Money, (2004). Hal ini menyebabkan kerajaan berusaha merancang BM dengan penuh ketelitian agar taraf BM sebagai bahasa kebangsaan kekal tinggi.

Selain menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, BM juga dimartabatkan sebagai bahasa utama dalam bidang pendidikan. Sebuah Jawatankuasa Pelajaran telah dibentuk pada September 1955. Tugas utama jawatankuasa tersebut adalah untuk menjadikan BM sebagai bahasa kebangsaan sambil mengekalkan bahasa dan budaya masyarakat lain, melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, Laporan 1956 (Zulkifli Osman, 2003). Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran pada tahun 1979, tahap permulaan pelaksanaan penggunaan BM di sekolah bantuan kerajaan adalah pada 1957, iaitu setelah Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka pada 31 Ogos 1957.

Dasar Pendidikan Kebangsaan membolehkan anak-anak daripada masyarakat yang berlainan bangsa bersatu bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan melalui satu bahasa pengantar tunggal itu. Pemilihan dan penggunaan satu bahasa untuk Malaysia tidak dapat dinafikan, khususnya dalam menyatupadukan rakyatnya yang pelbagai kaum, membentuk satu identiti nasional yang sama, selain memupuk satu semangat kebangsaan yang sama untuk dipamerkan oleh semua rakyat sebagai satu negara Malaysia yang bersekutu adalah bertepatan sekali untuk gagasan perpaduan dalam Gagasan 1Malaysia (Teo Kok Seong, 2011).

Menurut Abdul Rahim bin Abu (2015), dalam usaha memperkasakan BM sebagai bahasa kebangsaan, sikap dan jati diri individu terhadap BM itu sendiri perlulah ditanam sejak awal lagi, iaitu pada peringkat kanak-kanak. Konsep 'pembinaan negara bangsa' yang menjadi cita-cita utama negara akan dapat digapai sekiranya sikap cinta akan bahasa kebangsaan itu utuh dalam sanubari individu. Bahasa yang perlu diperkasakan ini merupakan bahasa yang menjadi asas pembinaan negara yang terdiri daripada pelbagai ras itu. Masalah bahasa pengantar tidaklah penting, asal anak-anak itu mempelajari isi kandungan kurikulum yang sama, maka sekolah Cina dan Tamil dikekalkan, iaitu lebih daripada satu bahasa pengantar digunakan. Walau bagaimanapun, pengajaran BM diwajibkan di sekolah tersebut. Tujuan penting dasar itu adalah untuk membina bangsa dengan menggunakan satu sukatan pelajaran yang sama kandungannya, maka rakyat akan bersatu menjadi identiti baharu. Sejak terlaksananya syor dalam Penyata Razak 1956 melalui Ordinan Pelajaran 1957, sekolah bantuan kerajaan menggunakan kurikulum dan sukatan pelajaran yang standard yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Meskipun penggunaan BM sebagai mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah sudah begitu meluas di dalam dan di luar sekolah, tetapi pengaruh bahasa ibunda masih terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran BM.

Saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mewajibkan para pelajar lulus mata pelajaran BM pada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memperoleh sijil adalah amat baik untuk memartabatkan kedudukan BM di negara Malaysia. Hal ini kerana BM merupakan bahasa utama yang sering digunakan selain bahasa pertama (B1). Sehubungan itu, asas utama dalam memartabatkan BM ini adalah dengan mewajibkan pengajaran BM bermula daripada sekolah rendah. Asmah Hj Omar (2008:35) mengatakan bahawa BM merupakan bahasa pendidikan. Bahasa pendidikan bermaksud bahasa yang telah mendapat tempat dalam kurikulum sekolah sebagai B1 atau bahasa kedua (B2).

Pengajaran mata pelajaran BM mencakupi aspek tatabahasa, pemahaman dan penulisan karangan. Pembelajaran BM menjadi penting kepada semua murid setelah KPM menyeragamkan pelaksanaan Pendidikan BM sebagai bahasa pengantar rasmi dalam sistem persekolahan di Malaysia mulai 1982. Melalui dasar ini, semua murid harus menduduki peperiksaan dengan menggunakan BM sebagai medium. Bagi murid bukan Melayu yang menggunakan BM sebagai B2, mereka tidak ada pilihan melainkan mempelajarinya secara formal di dalam kelas. Justeru, bentuk pengajaran yang seimbang akan menyediakan murid dengan penggunaan bahasa yang betul agar mereka dapat menjadi pengguna bahasa yang berkesan dalam pelbagai situasi dan pelbagai tujuan penggunaan. Dalam masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia, kelainan bahasa merupakan satu kekangan untuk murid mempelajari BM dengan baik. Dalam hal ini, Brumfit (1995:9) mengatakan, "Kita juga semakin sedar bahawa kelainan bahasa mempunyai kepentingan sosial". Pengetahuan bahasa yang seimbang akan membolehkan murid menghasilkan output bahasa yang mempunyai ciri kegramatisan, kewajaran dan berkesan dalam pelbagai situasi sosial untuk pelbagai tujuan.

BM diajarkan dalam tahap satu dan tahap dua di semua sekolah kerajaan sama ada di Sekolah Kebangsaan (SK) atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Murid SJKT dan SJKC mengambil peperiksaan UPSR bagi mata pelajaran BM yang tidak setaraf atau berbeza dengan kertas soalan BM di SK. Sekiranya murid SJKT dan SJKC menduduki peperiksaan mata pelajaran BM dan mencapai keputusan gagal, maka mereka perlu mengikuti Kelas Peralihan sebelum memasuki Tingkatan Satu pada peringkat sekolah menengah.

Pendek kata, BM yang dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu dalam pendidikan telah melalui detik yang panjang, penuh pancaroba, didesak oleh pelbagai cabaran dan dipertikaikan kewibawaannya. Namun demikian, bahasa ini masih unggul sebagai bahasa dan medium komunikasi utama di negara ini.

Bahasa Kedua (B2)

Bahasa selain bahasa ibunda dikenali sebagai bahasa kedua (B2) yang dikuasai secara formal. Cook (1991) dalam Kamsiah Abdullah (1984) pula mendefinisikan B2 sebagai bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada bahasa ibunda yang sedia ada. Pengetahuan B2 yang dikuasai oleh pengguna ialah hasil dorongan dalaman atau motivasi. Untuk menguasai B2, pengguna perlu memiliki matlamat yang jelas untuk memastikan bahawa jangkaannya dapat dicapai. Dalam hal ini, terdapat hubungan jelas antara penggunaan bahasa dengan motivasi.

Oleh itu, terdapat dua tujuan bagi individu yang mahu menguasai B2, iaitu sebagai keperluan yang bersifat instrumental dan keperluan untuk mengintegrasikan diri ke dalam suatu kelompok penutur bahasa (Zulkifley Hamid, 1994). Tegasnya, penguasaan B2 bertujuan pengintegrasian dan motivasi. Contohnya, menguasai bahasa kedua mahu menyertai komuniti yang menggunakan bahasa itu, terutama dalam konteks pekerjaan. Maka, pengguna perlu menguasai bahasa sasaran itu dengan motivasi yang tinggi supaya dapat mewujudkan asosiasi yang berkesan.

Terdapat pelbagai faktor yang menjadi penyebab murid India tidak dapat menguasai BM dengan baik (Mohin Ibrahim, 1987 dalam Abdul Hamid Mahmood (1999)). Situasi ini akan memberikan kesan pada prestasi yang rendah dalam peperiksaan. Antara faktor penyebab itu ialah kekurangan guru BM dan beban tugas guru, sukatan pelajaran, kaedah mengajar, tradisi menggunakan buku teks, ujian objektif, kelemahan ketatabahasa bermula peringkat bawah, anggapan BM mudah, tiada contoh bahasa lisan baku, pengaruh media massa serta guru bukan opsyen BM.

Kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Murid India

BM merupakan bahasa kedua yang dipelajari oleh murid India di sekolah. Oleh hal yang demikian, murid India perlu mempelajari subjek BM bermula pada peringkat pendidikan awal sekolah rendah. Cara penguasaan bahasa pertama dan bahasa kedua amat berbeza. Penguasaan bahasa pertama melalui pemerolehan yang diwarisi secara turun-temurun dan prosesnya berlaku secara tidak sengaja dan tanpa dirancang. Dalam keadaan atau situasi yang tidak disedari, penguasaan bahasa secara pemerolehan akan melibatkan proses mental dan prosesnya bersifat tabii. Penguasaan bahasa kedua pula kebiasaannya diperoleh melalui pembelajaran secara formal di sekolah. Seseorang itu tidak perlu berguru dalam sesuatu bentuk formal untuk membolehkan mereka bertutur dengan baik dalam bahasa pertama. Namun, individu tersebut belum tentu dapat bertutur dengan baik walaupun telah mempelajari bahasa kedua secara formal untuk beberapa tahun (Zulkifley Hamid, 2005:26).

Menurut Zamri Mahamod (2008:46), aspek pembelajaran bahasa kedua memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran subjek BM, khususnya dalam kalangan murid India di SJKT. Aspek pembelajaran tersebut dapat memastikan bahawa murid India yang mempelajari BM sebagai bahasa kedua mencapai tahap penguasaan yang memuaskan. Hal ini demikian, kerana penutur bahasa pertama dan bahasa kedua merupakan dua kelompok penutur yang mempunyai ketidaksamaan. Ketidaksamaan ini lahir daripada kelainan corak dan proses penguasaan dalam mempelajari aspek nahu sesuatu bahasa.

Pembelajaran B2 mengikut Eender (2008: 47), bukannya suatu proses yang automatik. Menurut beliau lagi, fenomena ini wujud kerana kemahiran B2 tidak dikuasai sepenuhnya seperti B1 seseorang penutur. Wenden dan Rubin (1987), juga mengatakan bahawa pembelajaran bahasa juga merangkumi proses penyelesaian masalah yang menghendaki murid aktif supaya dapat mendalami input yang diterima. Pembelajaran B2 menurut Lightbown & Spada (1993), berlaku selepas seseorang telah menguasai satu sistem bahasa.

Lado (1957) & Fries (1945) mengemukakan bahawa dalam proses pembelajaran B2, seseorang murid kerap melakukan kesilapan akibat daripada pengaruh bahasa ibundanya. Lado (1957) mengatakan bahawa seseorang murid sememangnya cenderung untuk memindahkan aspek B1 dalam B2 semasa mempelajari B2. Beliau juga mengatakan bahawa apabila satu pola struktural mempunyai fungsi, bentuk dan penyebaran yang sama dalam B1 dan B2, pembelajaran bahasa akan berlaku dengan senang kerana dapat memindahkan bahasa dengan mudah. Namun, keadaan yang sebaliknya akan berlaku apabila B1 dan B2 mempunyai fungsi, bentuk dan penyebaran yang berbeza. Keadaan ini akan menyebabkan murid menghadapi kesukaran dan akhirnya kesilapan akan berlaku.

Jelasnya, penggunaan B1 di rumah dan pembelajaran B2 di sekolah ternyata membawa kesan yang menampakkan terbentuknya gangguan terhadap penghasilan bahasa dalam aspek tatabahasa dan sistem B2 yang dipelajari. Selain itu, fenomena pemindahan bahasa ini juga dilihat sebagai satu permasalahan yang perlu dibendung dan ditangani. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia digesa mengutamakan serta menambah bilangan guru Melayu yang mengajarkan mata pelajaran BM di SJKC dan SJKT untuk mempertingkatkan penguasaan murid dalam bahasa kebangsaan (2014).

Dalam memperkatakan bahasa, tatabahasa merupakan manifestasi pengembangan potensi bahasa yang telah dikurniakan Tuhan kepada manusia di alam jagat sehingga menjadi salah satu fakulti ilmu yang penting dalam akal. Tiap-tiap bahasa mempunyai kemungkinan dan kemampuan untuk dilengkapi dengan perbendaharaan dan unsur struktur untuk menjadi wahana pengungkapan pemikiran, maka bahasa merupakan alat perhubungan manusia yang sangat penting walaupun bahasa telah mengalami pelbagai proses perkembangan dan perubahan, tetapi dengan sifatnya yang anjal dan dinamik bahasa mampu mempertahankan kewibaaannya sebagai bahasa yang menjadi wahana bangsa. Melalui bahasa manusia dapat menyampaikan ilmu, meluahkan perasaan, mengungkapkan keindahan melalui pelbagai wacana, mewariskan ilmu, budaya peradaban dan agama.

Ayat yang dibina dengan susunan kata yang betul menurut rumus tatabahasa adalah perlu untuk memberikan kefahaman kepada pendengar atau pembaca. Oleh itu, setiap kata atau ayat yang hendak diucapkan haruslah difikirkan atau dirancang dengan teliti terlebih dahulu sebelum kata atau ayat itu dilahirkan agar tidak menyalahi tatabahasa serta tidak menyinggung perasaan orang lain. Tatabahasa ialah peraturan yang sering dimaksudkan dengan hukum atau rumus yang betul penggunaannya dalam bentuk lisan atau bertulis dalam tatabahasa. Struktur atau pola yang digunakan sebagai alat perhubungan ini pula amat bergantung kepada prinsip yang digunakan dalam satu pegangan atau amalan yang dianuti oleh sekumpulan ahli bahasa atau ahli tatabahasa pada satu-satu peringkat waktu yang tertentu. Tatabahasa merupakan aspek yang terpenting dalam sistem bahasa kerana ketika berbahasa tatabahasa digunakan.

Dengan mengetahui tatabahasa, ia menjadi panduan untuk membina kata dan ayat. Tatabahasa ialah disiplin ilmu yang digunakan dalam pembentukan perkataan dan bagaimana ia bergabung dengan perkataan lain untuk menghasilkan ayat yang gramatis. Hal ini juga merupakan struktur rentetan ucapan dan pengelompokan serta pengklifikasian unsur ucapan yang berulang-ulang yang ditinjau dari sudut fungsinya berdasarkan lingkungan yang diduduki oleh sesuatu unsur serta hubungan antara satu sama lain yang menghasilkan struktur tertentu.

Jelaslah bahawa tatabahasa merupakan aspek yang paling penting dalam setiap bahasa. Tatabahasa menjadi begitu penting disebabkan peranannya menghuraikan ayat dalam sesuatu bahasa dengan cara atau kaedah yang mudah, tepat, dan lengkap.

Namun demikian, kesukaran murid SJKT yang mempelajari bahasa kedua ini memang tidak dapat dinafikan khususnya sistem tatabahasa. Bermula daripada prasekolah hingga sekolah rendah, terbukti untuk menguasai bahasa Melayu dengan sepenuhnya adalah sukar. Walaupun masa pengajaran untuk bahasa kedua lebih daripada pengajaran subjek lain, namun tahap penguasaannya tidak memuaskan.

Batik Anak Bidin (2011:15) mengatakan bahawa keputusan yang kurang baik dalam mata pelajaran BM boleh membawa kesan yang kurang baik juga kepada keseluruhan keputusan murid tersebut. Menurut beliau lagi, sekiranya murid diberi peluang untuk memilih stail pembelajaran yang digemari oleh mereka dalam pembelajaran BM, pengajaran akan menjadi lebih seronok kerana stail pembelajaran itu merupakan faktor penentu kepada penguasaan bahasa tersebut dan seterusnya keputusan dalam peperiksaan bagi mata pelajaran ini.

Antara kemungkinan masalah yang utama ialah BM yang diajar terlalu formal dan tidak ada persamaan kegunaannya dengan bahasa yang dituturkan sehari-hari, iaitu bahasa ibunda. Bukan itu sahaja, ada yang memperkatakan bahawa bahasa kedua yang diajar di dalam bilik darjah tidak mengambil kira faktor budaya dan sosial.

Kepentingan BM diakui oleh pihak kerajaan Malaysia. Hal ini bertepatan dengan pengumuman Timbalan Perdana Menteri yang telah merangka satu dasar untuk Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) pada 2009. Setelah dipersetujui, Timbalan Perdana Menteri mengumumkan bahawa dasar MBMMBI akan dilaksanakan pada 2011 setahun lebih awal daripada yang dijadualkan. Hal ini seiring dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP).

Sehubungan itu, kerajaan Malaysia telah meluluskan cadangan strategi Kementerian Pendidikan untuk memperkukuhkan BM pada peringkat sekolah. Strategi memperkukuh penguasaan BM ini melibatkan penambahbaikan kurikulum dan penyediaan guru serta bahan yang mencukupi dan berkualiti untuk melaksanakan kurikulum tersebut.

Kurikulum Sekolah Rendah di Malaysia

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), kurikulum didefinisikan sebagai skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah, senarai semua mata pelajaran atau kursus pengajian. Bagi sekolah rendah di Malaysia, kurikulum biasanya merangkumi jangkaan pengetahuan dan kemahiran yang akan dihadapi oleh murid untuk belajar, termasuk standard kandungan, standard pembelajaran, objektif pembelajaran unit yang akan diajarkan, tugas atau projek yang akan diberikan kepada murid, ujian dan penilaian serta kaedah pentaksiran lain yang digunakan untuk menilai prestasi dan keberhasilan pembelajaran.

Kurikulum merupakan tulang belakang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang mempunyai kerangka tertentu seperti topik dan tema pelajaran, strategi pengajaran, objektif pelajaran dan sebagainya. Kurikulum untuk sekolah rendah asalnya disebut sebagai KLSR (1983), kemudiannya digantikan dengan KBSR (1993), KBSR (2003) dan KSSR (2011). Hal ini disebabkan kurikulum kebangsaan perlu dikaji semula untuk memastikan bahawa kurikulumnya yang holistik dan sentiasa relevan untuk melahirkan modal insan yang seimbang supaya dapat menangani cabaran semasa dan masa depan.

KSSR merupakan hasil semakan KBSR 2003 yang telah diperkenalkan secara rasmi ke sekolah rendah di Malaysia pada 2011. KSSR bersifat lebih jelas, tersusun, padat dan global. KSSR merangkumi kerangka yang lebih besar dalam memperkukuh kurikulum sekolah rendah. KSSR digubal dalam bentuk pernyataan standard berbanding dengan KBSR (1983-2010) yang merangkumi bahan kurikulum berdasarkan huraian sukatan pelajaran.

Standard dibentuk untuk:

- memastikan bahawa semua murid melepasi standard yang ditetapkan
- menetapkan ilmu, kemahiran dan nilai yang perlu diukur dengan jelas
- mengenal pasti strategi penambahbaikan
- mengatasi masalah keciciran murid dalam pembelajaran
- melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah

Pernyataan standard KSSR terdiri daripada standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid dalam suatu tempoh dan tahap persekolahan. Standard kandungan mengandungi pernyataan spesifik tentang perkara yang perlu diketahui oleh murid dan boleh melakukannya dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai pembelajaran. Manakala, standard pembelajaran pula bermaksud satu penetapan kriteria atau petunjuk (indikator) kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh dinilai bagi setiap standard kandungan. Fokus KSSR adalah untuk memastikan bahawa murid mencapai standard pengetahuan, kemahiran, dan nilai pembelajaran yang ditetapkan bagi setiap tahap selepas enam tahun persekolahan. 4M diberikan penekanan dalam KSSR, iaitu kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul berbanding KBSR yang hanya memberikan penekanan kepada 3M (kecuali menaakul). Kemahiran menaakul bermaksud keupayaan untuk membuat pertimbangan dan penilaian dengan menggunakan akal dan logik.

Peruntukan masa untuk mengajar BM di SJKT ialah selama 300 minit seminggu berdasarkan KSSR. Pentaksiran PdP dijalankan secara berterusan untuk menilai perkembangan dan pencapaian murid dalam pembelajaran dengan menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran. Terdapat dua jenis pentaksiran, satunya Pentaksiran Berasaskan Pusat (PBP) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBP ialah

pentaksiran yang dirancang, dibina dan dilapor oleh Lembaga Peperiksaan tetapi ditadbir, diperiksa dan direkod oleh sekolah. PBP dilaksanakan dalam bentuk pentaksiran sumatif di hujung semester atau tahun. Pentaksiran yang dirancang, diperiksa, direkod dan dilapor oleh guru di sekolah yang melibatkan murid, ibu bapa dan organisasi luar. PBS pula merujuk pentaksiran yang dijalankan oleh sekolah, iaitu dilaksanakan dalam bentuk pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP dan pentaksiran sumatif pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

Pada masa dahulu, pelaporan pencapaian murid dilakukan melalui guru rekod markah dan tulis laporan secara manual, tetapi pada masa ini, pelaporan dijalankan berdasarkan pentaksiran formatif, iaitu guru melaporkan pencapaian murid dalam sistem dan jana laporan. Peranan guru dalam pentaksiran sekolah adalah dengan membantu memperbaiki pembelajaran murid berdasarkan maklumat yang diperolehi.

Peranan murid dalam pentaksiran sekolah adalah seperti yang berikut:

- Mengetahui apa dan bagaimana sesuatu perkara itu hendak dipelajari
- Mengetahui bagaimana hendak mencapai standard
- Melaksanakan tugas yang diberikan supaya pembelajaran yang diketahui dan boleh dibuat dapat ditaksir

Tujuan pentaksiran sekolah dijalankan adalah untuk meningkatkan pencapaian, memperbaiki kelemahan atau masalah murid dalam pembelajaran, mengubah suai strategi pengajaran dan mencungkil keyakinan kepada murid untuk belajar. Salah satu ciri pentaksiran sekolah merujuk standard prestasi. Standard ini bermaksud proses mendapatkan maklumat tentang setakat murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai pembelajaran berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum.



Rajah 1: Proses Pentaksiran Sekolah

BAND	STANDARD	TAFSIRAN
1	Tahu	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	Tahu dan Faham	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekak dan bersikap positif.
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali	Murid mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif, mempunyai keupayaan membuat keputusan untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran dalam kehidupan seharian serta boleh berbicara untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila dan menjadi contoh secara tekak.

Rajah 2: Kerangka Standard Prestasi

Pernyataan Masalah

Keputusan peperiksaan UPSR bagi mata pelajaran BM pemahaman menunjukkan perbezaan pencapaian antara murid SK, SJKT dan SJKC. SJKT yang menunjukkan pencapaian yang sangat rendah dalam BM pemahaman berbanding dengan SK dan SJKC. Menurut Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Dr Khair Mohamad Yusof (2015), lima kertas peperiksaan menunjukkan penurunan prestasi berdasarkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP), berbanding dengan 2014. Salah satunya ialah Bahasa Melayu (Pemahaman) di SJK. Hal ini menjadi satu petanda yang sangat terang menunjukkan bahawa murid SJK belum menguasai BM mengikut kurikulum standard yang ditetapkan. Dalam konteks perbincangan di sini, pengkaji membincangkan aspek tatabahasa BM sahaja. Menurut Md Khambari Manot (1991), pelajaran bertutur dan prinsip tatabahasa harus memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran untuk menguasai sesuatu bahasa baharu. Walaupun peruntukan masa bagi pengajaran BM mencukupi, tetapi keputusan peperiksaan masih menunjukkan pencapaian yang sangat lemah di SJKT.

Hasil daripada pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa apabila pencapaian murid lemah di darjah enam, guru yang mengajarkan BM menganggap bahawa guru BM darjah satu hingga lima kurang memantapkan kemahiran murid yang lemah BM sebelum menjejak darjah enam. Fenomena ini secara langsung berterusan di SJKT dan pencapaian murid dalam BM semakin rendah. Laluan memenuhi kemahiran murid menjadi tanda soal kebelakangan ini. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan didapati bahawa murid sangat lemah dalam kemahiran tatabahasa. Terdapat 15 aspek golongan kata yang diuji dalam UPSR. Persoalannya, adakah 15 golongan kata diajarkan oleh guru untuk murid selain dinyatakan dalam KSSR?

STANDARD PEMBELAJARAN		
TAHAP 1		
TAHUN 1	TAHUN 2	TAHUN 3
5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am yang mudah dengan betul mengikut konteks.	5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am merujuk hidup manusia dengan betul mengikut konteks.	5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am merujuk hidup bukan manusia dengan betul mengikut konteks.
5.1.2 Memahami dan menggunakan kata nama khas yang mudah dengan betul mengikut konteks.	5.1.2 Memahami dan menggunakan kata nama khas hidup merujuk manusia dengan betul mengikut konteks.	5.1.2 Memahami dan menggunakan kata nama khas merujuk hidup bukan manusia dengan betul mengikut konteks.
5.1.3 Memahami dan menggunakan kata ganti nama diri pertama dan kedua dalam pelbagai konteks dengan betul.	5.1.3 Memahami dan menggunakan kata ganti nama diri ketiga dengan betul mengikut konteks.	5.1.3 Memahami dan menggunakan kata ganti nama diri merujuk kepada gelaran dan panggilan mengikut konteks.
5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja dengan betul mengikut konteks.	5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja tunggal dengan betul mengikut konteks.	5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja terbitan dengan betul mengikut konteks.
5.1.5 Memahami dan menggunakan kata adjektif warna dengan betul mengikut konteks.	5.1.5 Memahami dan menggunakan kata adjektif pancaindera dengan betul mengikut konteks.	5.1.5 Memahami dan menggunakan kata adjektif ukuran dan bentuk dengan betul mengikut konteks.
5.1.6 Memahami dan menggunakan kata hubung yang mudah dengan betul mengikut konteks.	5.1.6 Memahami dan menggunakan kata hubung dengan betul mengikut konteks.	5.1.6 Memahami dan menggunakan kata hubung gabungan dengan betul mengikut konteks.
5.1.7 Memahami dan menggunakan kata tanya merujuk manusia dan benda dengan betul.	5.1.7 Memahami dan menggunakan kata tanya dengan betul mengikut konteks.	5.1.7 Memahami dan menggunakan kata sendi nama menunjukkan tempat, arah, dan masa dengan betul mengikut konteks.
5.2.1 Memahami dan menggunakan imbuhan awalan dan imbuhan akhiran dengan betul dalam pelbagai konteks.	5.2.1 Memahami dan menggunakan imbuhan awalan dan imbuhan akhiran dengan betul dalam pelbagai situasi.	5.2.1 Memahami dan menggunakan imbuhan awalan meN- dan imbuhan apitan dalam pelbagai situasi dengan betul.
		5.2.2 Memahami dan menggunakan kata ganda penuh dalam pelbagai situasi dengan betul.
5.3.1 Memahami dan membina ayat dasar menggunakan pola ayat FN + FN, FN + FK, FN + FA, FN + FS dengan betul dalam pelbagai situasi.	5.3.1 Memahami dan membina ayat dasar menggunakan pola ayat FN + FN, FN + FK, FN + FA, FN + FS dengan betul dalam pelbagai situasi.	5.3.1 Memahami dan membina ayat tunggal dengan menggunakan pelbagai pola ayat dalam sesuatu situasi.
	5.3.2 Memahami dan membina ayat penyata dengan menggunakan tanda baca yang betul mengikut konteks.	5.3.2 Memahami dan membina ayat dengan kata tanya dan tanpa kata tanya menggunakan tanda baca yang betul dalam pelbagai situasi dan konteks.

Rajah 3: Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Tatabahasa Tahap Satu
(Sumber: <http://www.kssronline.com/>)

Pengajaran tatabahasa hanya diajarkan secara tidak langsung. Pada peringkat sekolah rendah, guru kurang merancang PdP tatabahasa yang disepadukan dengan kemahiran asas berbahasa melalui ilmu yang menjadi isi pelajaran.

Kajian tentang penguasaan tatabahasa ini telah lama mendapat perhatian daripada pengkaji terdahulu sama ada pengkaji tempatan mahupun pengkaji daripada barat. Kajian dan penjenisan kesilapan yang dilakukan ialah pelbagai dan berbeza bergantung pada tujuan dan kaedah penyelidikan dijalankan. Kajian tersebut ada yang lengkap, meliputi semua aspek tatabahasa dan ada pula yang hanya tertumpu pada aspek tertentu sahaja mengenai tatabahasa bahasa Melayu seperti kajian Abdul Rasid bin Jamian (2002) memberikan maklumat tentang pemerolehan dan penguasaan sintaksis kanak-kanak khususnya di prasekolah dan Aisyah Amin & Abdul Rasid Jamian (2013) telah mengkaji permasalahan kemahiran lisan prasekolah SJK (Tamil), kajian Noor Zila MD. Yusuf (2012) lebih menekankan aspek karangan, Vijayaletchumy Subramaniam (1998) telah mengkaji masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, khususnya kata nama, Abdul Rasid Jamian (2011) juga telah membuat kajian untuk mengenal pasti permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid sekolah rendah di luar bandar, Noraniza Ikhwan (2006) membincangkan pemerolehan bahasa (perkembangan bahasa) kanak-kanak prasekolah dari aspek perbendaharaan kata, Kajian Lay Hoon Ang & Che Radiah Mezah (2012) merangkumi disiplin psikolinguistik dan sosiolinguistik yang bertumpu kepada masalah penggunaan serta penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik Cina di sekolah kebangsaan dan kajian Suthanthiradevi J.N.J Money (2004) tertumpu kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah dan Abdul Rashid Daing Melebek (2010) mengkaji tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu guru yang sedang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 6 Atas. Hal ini memberikan lompang kepada pengkaji untuk mengenal pasti dan menganalisis penguasaan golongan kata bahasa Melayu tahap satu.

Isu berkaitan masalah menguasai kemahiran tatabahasa masih lagi diperkatakan saban tahun. Masalah pembelajaran ini dikatakan berpunca daripada sistem *automatic promotion* yang digunakan dalam sistem persekolahan di Malaysia. Melalui sistem ini, murid yang masih belum menguasai kemahiran asas juga masih boleh naik darjah setiap tahun. Situasi ini menyebabkan murid tersebut terus ketinggalan kerana sukatan pembelajaran yang baharu pula digunakan dalam pembelajaran. Kemahiran asas tidak lagi diajar kepada murid kerana guru beranggapan mereka sudah pun menguasai kemahiran tersebut sebelum ini.

Tambahan pula, guru menganalisis kemahiran tatabahasa murid berdasarkan latihan pengukuhan yang diberikan dalam kelas dan keputusan peperiksaan. Namun, kertas peperiksaan BM pemahaman merangkumi soalan pemahaman dan soalan tatabahasa. Adakah guru menganalisis soalan tatabahasa berasingan untuk mengetahui penguasaan murid? Sudah tentu tidak. Seramai 30 orang murid darjah lima terlibat dalam kajian rintis yang dilakukan di SJK (T) Serdang. Dapatan kajian rintis

menunjukkan bahawa sebahagian murid tidak menguasai kemahiran bahasa. Fenomena yang berlaku di SJKT ialah murid darjah satu terus dihantar ke darjah dua berdasarkan ujian tanpa menilai sama ada mereka menguasai atau tidak menguasai kemahiran BM. Situasi ini menunjukkan bahawa tidak ada satu panduan analisis pencapaian prestasi kemahiran BM murid SJKT. Kajian berkaitan cara menganalisis penguasaan kemahiran murid kurang dilakukan. Kebanyakan kajian yang dilakukan adalah lebih kepada strategi atau langkah mengatasi masalah atau cara meningkatkan penguasaan BM dalam PdP seperti kajian Noor Zila bt Md. Yusuf (2015) berkaitan strategi pengajaran dan pembelajaran BM, manakala kajian Suziyati bt Abdul Mad (2011) dan kajian Fathimah Binti Habib Rahman (2011) lebih menekankan penerapan elemen ganjaran dalam meningkatkan perkembangan perbendaharaan kata BM kanak-kanak. Selain itu, Muhammad Hafiz Bin Bakar (2009) telah menjalankan kajian keberkesanan kaedah permainan bahasa (KPB) dalam mempertingkatkan penguasaan kata kerja. Kajian Dyah Saraswati (2015) pula berkaitan kepentingan permainan papan dalam penguasaan tatabahasa. Hal ini memberikan lompang kepada pengkaji untuk menghasilkan model sistem penarafan bintang sebagai panduan analisis kemahiran murid dalam BM, khususnya sistem tatabahasa.

Persoalan Kajian

1. Sejauh manakah penguasaan golongan kata BM tahap satu?
2. Bagaimanakah sistem penarafan bintang dapat diaplikasikan dalam memantapkan penguasaan golongan kata BM?

Objektif Kajian

Kajian ini berfokus kepada sistem penarafan bintang dalam penguasaan bahasa Melayu. Secara khususnya, kajian merangkumi objektif berikut:

1. Menganalisis penguasaan golongan kata BM tahap satu
2. Menghasilkan model sistem penarafan bintang dalam memantapkan penguasaan golongan kata BM

Skop Kajian

Objektif kajian yang pertama terbatas kepada mengenal pasti dan menganalisis penguasaan BM mengikut kemahiran berdasarkan tahap. Objektif ini ditentukan melalui satu ujian yang merangkumi 30 soalan tatabahasa berdasarkan kemahiran yang disenaraikan dalam KSSR bagi Tahap 1, iaitu 15 golongan kata yang terdiri daripada kata nama, kata ganti nama, kata adjektif, kata kerja, imbuhan, kata ganda, kata seru, kata majmuk, kata perintah, kata bantu, kata bilangan, kata arah, kata tanya, kata hubung dan kata sendi nama untuk melihat sama ada murid tahap 2 sudah menguasai atau kurang menguasai kemahiran tatabahasa yang telah dipelajari dalam

tahap 1. Ujian ini akan dijalankan dalam kalangan 50 responden yang terdiri daripada darjah lima selama 30 minit di SJK (T) Serdang, Selangor.

Objektif kajian yang kedua terbatas kepada menganalisis sistem tatabahasa dan menghasilkan model sistem penarafan bintang untuk mengukur penguasaan kemahiran BM khususnya 15 golongan kata dalam kalangan murid. Sistem penarafan bintang akan dihasilkan berdasarkan teori Slavin, iaitu model QAIT yang lebih ke arah keberkesanan pengajaran guru yang efektif dalam pencapaian kecemerlangan murid.

Kepentingan Kajian

Guru BM

Hasil kajian ini penting kepada para guru yang sedang mengajarkan BM di sekolah rendah seluruh Malaysia. Tahap penguasaan kemahiran murid dalam mata pelajaran BM akan dapat memberikan maklum balas kepada guru berkaitan keberkesanan pengajaran mereka. Hal ini juga penting kepada pihak sekolah kerana mata pelajaran BM merupakan mata pelajaran yang teras disebabkan kelulusan murid dalam semua peperiksaan awam bergantung pada kelulusan dalam mata pelajaran BM. Berdasarkan objektif kajian ini, diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu guru SJKT menilai sejauh mana tahap penguasaan BM murid dari segi kemahiran daripada peringkat awal.

Ibu Bapa

Kajian ini turut penting kepada ibu bapa. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan murid selepas guru. Ibu bapa hendaklah didedahkan perkembangan penguasaan kemahiran bahasa supaya mereka dapat memahami keperluan anak-anak. Pemahaman tentang masalah penguasaan BM akan membantu ibu bapa menyediakan kemudahan yang sesuai agar anak-anak mereka menguasai kemahiran bahasa pada peringkat pendidikan awal.

Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini diharap dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mendapatkan data analisis penguasaan BM yang jelas daripada semua sekolah berdasarkan kemahiran melalui sistem penarafan bintang. Dengan ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dapat menyelaraskan sukatan pembelajaran sekolah rendah berdasarkan kemahiran BM yang perlu didalami oleh murid. Tambahan pula, buku teks untuk sekolah rendah dapat dimurnikan lagi dengan menerapkan komponen kemahiran yang lebih efektif kepada murid supaya guru dapat menyampaikan ilmu BM yang perlu dikuasai oleh murid.

Definisi Operasional

Penarafan Bintang

Menurut Pusat Rujukan Pesuratan Melayu, penarafan bermaksud perihal atau perbuatan menarafkan sesuatu yang dibuat berdasarkan kriteria tertentu. Penarafan bintang menurut MAMPU (2008) merupakan salah satu mekanisme untuk menilai dan mengukur prestasi agensi sektor awam. Dalam kajian ini, penarafan bintang bermaksud memberikan gred tertentu berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam menganalisis penguasaan kemahiran BM dalam kalangan murid sekolah rendah.

Penguasaan Bahasa Melayu

Menurut Raminah Sabran & Rahim Syam (1985:1), penguasaan bererti kemampuan membuat tafsiran ke atas lambang dan sistem untuk memperoleh pengetahuan dan pernyataan sama ada dalam bentuk tulisan atau bacaan. Penguasaan bahasa pula merupakan tahap kemahiran seseorang individu dalam menguasai sesuatu bahasa. Menurut Valdes & Figueroa (1994), seseorang yang mempunyai penguasaan bahasa yang baik boleh mengajukan soalan, memahami mesej dengan jelas, membaca bahan, menguji idea dan mengetengahkan cabaran dalam situasi tertentu dalam bahasa sasaran. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi rakyat Malaysia. Hal ini demikian kerana bahasa menjadi satu kepentingan di negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan sangat memerlukan satu bahasa sebagai panduan. Namun dalam konteks kajian ini, penguasaan bahasa Melayu ialah tahap pengetahuan golongan kata BM yang dipelajari sebagai bahasa kedua oleh murid yang berbangsa India.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood. (1999.) *Kuasai Bahasa Anda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Rahim bin Abu. (2015). Sikap kanak-kanak orang asli di Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Ph.D disertasi*. Universiti Putra Malaysia
- Abdul Rasid bin Jamian. (2002). Pemerolehan dan penguasaan sintaksis bahasa Melayu di kalangan kanak-kanak prasekolah. *Ph.D disertasi*. Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rasid bin Jamian. (2011, Mei). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Abdul Rashid Daing Melebek. (2010, Disember). Penguasaan Tatabahasa Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. *Jurnal Linguistik*, 11. Retrieved Jun 04, 2016, from <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=73470>
- Aisyah Amin & Abdul Rasid Jamian. (2013). Permasalahan kemahiran lisan prasekolah SJK (Tamil). *Seminar Pascaujian Siswazah dalam Pendidikan (Greduc)*, 224-228.
- Amir bin Juhari & Noor Zila binti Md. Yusuf. (2012). *Kaedah Berkesan dalam P&P Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*: Prosiding Seminar Pedagogi Melayu, Indonesia & Other language (PMIOL) Universiti Pendidikan Indonesia.
- Artier, J. & McTighe, J. (2000). *Scoring rubrics in the classroom*. California: Corwin Press, Inc.
- Arulnathan Visurasam. (2013). Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua oleh Pelajar India: Strategi Pembelajaran dan Pemindahan Bahasa. *Ph.D disertasi*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ary, D., Jacobs, L. C. and Razavich, A. (1996). *Introduction to research in education* (5th ed.). Orlando: Harcourt Brace College Pub.
- Awang Sariyan. (1980). *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia Edisi Permulaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Batik Anak Bidin. (2011). Stail pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar peribumi Iban di Sarawak. *Ph.D disertasi*. Universiti Putra Malaysia
- Bernard, H. R. (2000). *Social research methods qualitative and quantitative approaches*. California: Sage Publication.
- Brumfit, C. (1995). *Language Education in the National Curriculum*. Oxford: Blackwell Publisher.
- Corder S.P. (1967). *The Significance of Learner's Error*. Oxford: Oxford University Press.
- Deobold B. Van Dalen. (1979). *Understanding Educational Research: An Introduction*. University of Michigan: McGraw-Hill.
- Dyah Saraswati. (2015). The use of board game to improve students' grammar mastery. *Master Dissertation*, State Institute For Islamic Studies (Iain) Salatiga. Retrieved August 04, 2016. from <http://perpus.iainsalatiga.ac.id/docfiles/fulltext/758201177.pdf>
- Eender, M. (2008). L1 Effects on the Emergence of ESL Sentence Processing Skills of Chinese and Korean ESL Learners. *Language in Contrast*, 8(1), 47-71.
- Eman Elturki. (2011). An investigation of grammar problems facing English language learners. *Ph.D Dissertation*, Washington State University. Retrieved August 04, 2016. from www.hltmag.co.uk/apr14/mart04.rtf
- Emmer, E.T., and A. Aussiker. 1990. School and classroom discipline programs: How well do they work? In *Student discipline strategies*, ed. O.C. Moles, 111-136. Albany: State University of New York Press.
- Fathimah Binti Habib Rahman (2011). Faktor Ganjaran Dalam Pembelajaran Bahasa Murid-Murid Sekolah Rendah. *Ph.D disertasi*. Universiti Putra Malaysia.
- Fries, C.c (1945). *Teaching and Learning English as a Foreign Language*. Chicago : Ann Arbor : University of Chicago Press.
- Kamsiah Abdullah. (1984). Sikap dan motivasi penuntut Melayu di sekolah menengah Singapura terhadap bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. *Disertasi M.Ed*, Universiti Malaya:Fakulti Pendidikan (Tidak Diterbitkan).
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- KSSR. Retrieved Oktober 3, 2016, from <http://www.kssronline.com/>
- Lado, R, (1957). *Linguistics Across Cultures : Applied Linguistics for Language Teachers*. Ann Arbor : Chicago of Michigan Press.

- Lay Hoon Ang & Che Radiah Mezah. (2012). Masalah penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik Cina di Malaysia. *Sosiohumanika*, 5(2), 215-226.
- Lightbown, P. M. & Spada, N. (1993). *How Languages are Learned*. Oxford: Oxford University Press
- Mageswary Angamuthoo. (2007). Satu kajian tentang penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat India di Ladang Bukit Dato, Segamat, Johor. *Latihan Ilmiah*. Universiti Putra Malaysia.
- MAMPU (2008). Penarafan Bintang Sektor Awam. Retrieved Oktober 3, 2016, from <http://www.mampu.gov.my/ms/penarafan-bintang>
- Md. Khambari Manot (1991). Bahasa Inggeris–Pemelajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35(2):966-974
- Merriam, S. (1998). *Qualitative research and case study application*. San Francisco C. A.: Jessy Bass.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Pengkajian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hafiz Bin Bakar. (2009). Keberkesanan Kaedah Permainan Bahasa Dalam Mempertingkatkan Penguasaan Kata Kerja Al-Mudari Dalam Kalangan Pelajar. *Latihan Ilmiah*. Universiti Putra Malaysia.
- Neuman, W. L. (2000). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches (4th ed.)*. Boston: Allyn and Becon.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abd Hamid Mahmood (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani. (2009). *Pengantar Psikolinguistik*. Serdang: Penerbit Universiti Puta Malaysia.
- Noor Zila Md Yusuf, (2012). Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Ph.D disertasi*. Universiti Puta Malaysia
- Noor Zila binti Md. Yusuf. (2015) Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *JurnalRampak Serantau* Bil 23,2016 45-74
- Nor Azwahanum binti Nor Shaid. (2014). Penguasaan kata turunan dalam kalangan pelajar baceelor pendidikan. *Latihan Ilmiah*. Universiti Putra Malaysia.

- Noraniza binti Ikhwan. (2006). Penguasaan bahasa kanak-kanak prasekolah: satu kajian kata nama daripada aspek perbendaharaan kata di daerah Johor Bahru. *Latihan Ilmiah*. Universiti Putra Malaysia.
- Norsimah Mat Awal, Nadrah Abu Bakar, Nor Hashimah Jalaluddin. (2012). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu* (9), 227-240.
- Nor Zaiton Hanafi, Nor Azura Mohd Salleh & Zamri Mahamod (2008). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Pelajar Cina ketika Belajar Bahasa Melayu. dlm. Zamri Mahamod, *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu* (pp. 117-145) Shah Alam: Karisma Publications.
- Othman Lebar. (2007) *Pengkajian Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Palaniappan, A. K. (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Pearson Prentice-Hall
- Raminah Sabran & Rahim Syam. (1985). *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Rohaza binti Mohd Saad. (2011). Kesilapan morfologi dalam penulisan bahasa Melayu pelajar bukan Melayu. *Latihan Ilmiah*. Universiti Putra Malaysia.
- Sabitha Marican. (2006). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. (2003). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Raub: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd
- Shahril bin Hj Marzuki. (2005). Amalan pengajaran guru yang berkesan: kajian di beberapa sekolah menengah di Malaysia. Retrieved Jun 2, 2016, from <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/shahrilUM.pdf>
- Sharina binti Halim. (2010). Penguasaan tatabahasa BM dalam kalangan murid tahun empat. *Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Pengkajian Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Slavin, R.E. (1987). A theory of school and classroom organization. *Educational Psychologist* 22: 89-108.

- Slavin, R.E. (1994). Quality, appropriateness, incentive, and time: A model of instructional effectiveness. *International Journal of Educational Research*, 21(2), 141-157. Retrieved May 27, 2016, from <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/0883035594900299>
- Suthanthiradevi J.N.J Money. (2004). Kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah. *Ph.D disertasi*.Universiti Putra Malaysia.
- Suziyati binti Abdul Mad. (2011). Kesan elemen ganjaran terhadap kanak-kanak dalam perkembangan perbendaharaan kata bahasa Melayu. *Latihan Ilmiah*. Universiti Putra Malaysia.
- Syed Arabi Iddid. (1998). *Kaedah Pengkajian Komunikasi Dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teo Kok Seong. (2011). *Kepentingan Bahasa Melayu Dalam Gagasan IMalaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Utamakan guru Melayu mengajar bahasa kebangsaan di SJKC, SJKT. (2014, Oktober 27).*Utusan Online*. Retrieved May 27, 2016, from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/utamakan-guru-melayu-mengajar-bahasa-8232-kebangsaan-di-sjkc-sjkt-1.17189>
- Valdes, G & Figueroa, R. (1994). *Bilingualism and Testing A Special Case of Bias*. Norwood, NJ: Ablex Publishing Corporation.
- Vijayaletchumy Subramaniam. (1998). Masalah penguasaan bahasa Melayu di kalangan kanak-kanak prasekolah: satu kajian psikolinguistik dari aspek fonologi dan morfologi. *Latihan Ilmiah*. Universiti Putra Malaysia.
- Wenden, A., & Rubin, J. (1987). *Learner Strategies in Language Learning*. Cambridge:Cambridge University Press.
- Yong Chyn Chye. (2005). Permainan dan simulasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dalam kalangan guru-guru dan murid-murid. *Latihan Ilmiah*. Universiti Putra Malaysia.
- Yong Chyn Chye. (2012). Strategi mahasiswa antarabangsa dalam penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing dari perspektif psikolinguistik. *Ph.D disertasi*. Universiti Putra Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2008). *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd
- Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Zulkifley Hamid. (2005). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Zulkifli Osman. (2003). Satu bahasa, satu bangsa, satu nusa. *Dewan Bahasa*, 3(9), 20-27.

(2015, November 17). UPSR 2015: Pencapaian meningkat, 38,344 calon dapat semua A. *AstroAwani*. Retrieved Oktober 3, 2016, from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/upsr-2015-pencapaian-meningkat-38-344-calon-dapat-semua-81170>



BIODATA PELAJAR



Sivaneswary A/P Sivaratanam merupakan anak bongsu kepada Encik Sivaratanam A/L Vellaisamy dan Puan Mokana Sunthary A/P Palaniandy. Beliau dilahirkan pada tanggal 21 Jun 1992 di Hospital Besar Kuala Lumpur. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Serdang, Selangor sehingga tamat darjah enam.

Beliau kemudiannya memasuki Tingkatan Satu hingga Lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kembangan, Selangor. Setelah tamat Sijil Pelajaran Malaysia, beliau melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam pada 2010 di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Serdang, Selangor.

Pada 2012, beliau telah menyambungkan pengajian ijazah pertama dalam program Bachelo Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan mendapat Kepujian Kelas Pertama. Sebagai seorang yang memandang jauh ke hadapan, beliau telah melanjutkan pelajarannya ke peringkat Master dengan pengkhususan Bahasa Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia pada 2016.

SENARAI PENERBITAN

- Vijayaletchumy Subramaniam & Sivaneswary Sivaratanam. (2015). Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prosekolah SJK(T). Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX (SALPBM IX) 2015, 3-4 November 2015, Universiti Putra Malaysia, Selangor. 377-389.
- Vijayaletchumy Subramaniam & Sivaneswary Sivaratanam. (2015). Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prosekolah SJK(T). Jurnal Ulum Islamiyyah. (dalam proses penerbitan)
- Vijayaletchumy Subramaniam & Sivaneswary Sivaratanam. (2016). Kedudukan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Murid India. Dewan Bahasa, November Jilid 16:26-29.
- Sivaneswary Sivaratanam & Vijayaletchumy Subramaniam. (2017). Penguasaan Komponen Tatabahasa Dalam Kalangan Murid India Berdasarkan Tahap. National Conference on the Sciences and Social Sciences (NACOSS), 5 April 2017, Open University Malaysia, Negeri Sembilan. 274-293.
- Vijayaletchumy Subramaniam & Sivaneswary Sivaratanam. (2017). "Sistem Penarafan Bintang Dalam Pemerkasaan Bahasa Kebangsaan". Dewan Bahasa, Disember Jilid 17, Bil. 2(2017):26-29.
- Vijayaletchumy Subramaniam & Sivaneswary Sivaratanam. (2017). Peminjaman Istilah Asing. Dewan Bahasa, Jilid 17, Bil. 5:30-33.
- Vijayaletchumy Subramaniam & Sivaneswary Sivaratanam. (2017). Penggunaan Bahasa Dalam Telefon Pintar. Jurnal Pertanika Mahawangsa. ISN: 2289-7259 Bil.4, Isu 2 (November).
- Sivaneswary Sivaratanam & Vijayaletchumy Subramaniam. Sistem Penarafan Bintang Dalam Penguasaan Bahasa. (2017). Jurnal Pertanika Mahawangsa. (dalam proses penerbitan).